

# PROGRAM JIWA MURNI SKUADRON 322 TUDM BUKIT IBAM

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2153-program-jiwa-murni-skuadron-322-tudm-bukit-ibam-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2153-program-jiwa-murni-skuadron-322-tudm-bukit-ibam-2)

MUADZAM SHAH, 27 Julai 2017 - Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam telah mengadakan Program Jiwa Murni anjuran bersama Pejabat Tadbir Awam Skn 322 bertempat di Rumah Kebajikan Nur Hidayah, Muadzam Shah. Program TUDM bersama rakyat ini turut dihadiri oleh YB Dato Seri Maznah binti Mazlan, Adun Muadzam Shah.

Aktiviti bermula seawal jam 9 pagi dengan kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar Rumah Kebajikan Nur Hidayah. Selain itu, kerja-kerja mengecat bangunan dan menceriakan kawasan juga turut diadakan. Program berakhir dengan penyampaian sumbangan dan jamuan makan pada jam 11.30 pagi.

